


# Sekalung Tahniah Penerima Anugerah Seri Gemilang

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat  
Jurutera Pengajar

Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2006 yang telah diadakan pada 2 Mac 2007 menyaksikan dua wargakerja PPKAS telah menerima pengiktirafan atas prestasi yang cemerlang di dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang. Pada majlis makan malam yang bertempat di Dewan Wawasan Kangar, jurutera pengajar Encik Razi Ahmad telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.



Turut membanggakan apabila kumpulan penyelidik Dekan PPKAS, Dr. Khairul Nizar Ismail diumumkan sebagai penerima Anugerah Penyelidikan Cemerlang berikutan kejayaan mengharumkan nama UniMAP melalui tiga projek penyelidikan mereka di beberapa pertandingan penyelidikan bertaraf tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun 2006. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menjadi dorongan kepada mereka dan rakan-rakan sekerja di PPKAS untuk berkhidmat dengan lebih keras dan strategik. Syabas diucapkan!